

# Kerajaan perlu peka kepada kepentingan ICT

► Alat penyelesaian dalam proses pemodenan dan transformasi

UB 6.12.2018 A2

Oleh SADDAM EDRIS

**KOTA KINABALU:** Kerajaan perlu sentiasa peka terhadap kepentingan serta kemampuan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) sebagai satu alat penyelesaian dalam semua proses pemodenan dan transformasi kerajaan yang sedang berlaku.

Pengarah Jabatan Perkhidmatan Komputer Negeri Sabah Datuk Dr Mingu Jumaan berkata, ia seiring dengan perubahan ekosistem ICT yang memerlukan kerajaan melipatgandakan usaha meletakkan transformasi digital sebagai pilihan utama memperkasakan sistem penyampaian kepada rakyat dan kumpulan sasaran.

"Perubahan ekosistem ICT



**PESERTA** seminar merakam gambar kenangan bersama tetamu kehormat pada majlis perasmian berkenaan.

memerlukan kerajaan lebih bijak menggunakan teknologi ICT baharu untuk berinteraksi dengan rakyat secara lebih

berkesan, seterusnya bersedia untuk lebih terbuka, telus dan dapat berkolaborasi dengan lebih baik.

"Kerajaan juga perlu memastikan agar kakinangan kerajaan sentiasa cekap, telus dan berakauntabiliti



**MINGU**(kiri) dan Norhaini(dua kiri) bersama tetamu kehormat lain melawat serta beramah mesra dengan peserta pameran pada seminar ICT itu.

tinggi dengan menyediakan sistem pengurusan data peribadi yang diyakini, sekali gus menyediakan sistem penyampaian perkhidmatan yang lebih cekap dan berkesan.

"Oleh itu, kerajaan wajib menyediakan lebih banyak akses kepada perkhidmatan secara 'online' yang lebih baik dan bernilai tinggi," katanya ketika berucap merasmikan Seminar ICT Negeri Sabah 2018, di Dewan Tun Mustapha Intan, di sini pada Rabu.

Mengulas seminar bertemakan 'Digital Government, Are We Ready?' itu, Mingu berkata ia bertepatan dengan inisiatif kerajaan untuk melaksanakan transformasi digital dalam perkhidmatan awam dan

mengenalpasti sejauh mana tahap kesediaan terhadap teknologi baharu.

Katanya, ia juga memberi kesedaran kepada peserta bahawa perkhidmatan secara digital adalah pamacu utama meningkatkan keberkesanan sistem penyampaian kerajaan kepada rakyat.

"Justeru, jabatan dan agensi kerajaan perlumencari peluang dan kaedah baharu bagi mewujud, memperkasa, menyampaikan dan seterusnya mengurus perkhidmatan 'online' bernilai tinggi yang diterima oleh pelanggan.

"Sekali gus, ia menjadi nilai tambah sebagai asas untuk meningkatkan penerimaan pelanggan kepada perkhidmatan yang disediakan," katanya.

Terdahulu, seminar masuk kali ke-11 itu dianjurkan oleh Lembaga Koko Malaysia selaku tuan rumah, dengan kerjasama Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (Mampu) cawangan Sabah, Jabatan Perkhidmatan Komputer Negeri Sabah, Universiti Malaysia Sabah (UMS) dan Intan Sabah.

Hadir sama ialah Ketua Pengarah Lembaga Koko Malaysia Datin Norhaini Udin, Pengarah Jabatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi UMS Noor Hapipah Samat, Timbalan Pendaftar Wilayah (K) Intan Sabah Ervinah Kebahi @Syarafina Ibrahim dan Timbalan Pengarah ICT Mampu Sabah Ruvia Sylvester.